

# 110 kg pukat hantu dikutip di Pulau Perhentian

**BESUT:** Sebanyak 110 kilogram (kg) pukat hantu dikutip dalam Program Ghost Net iaitu aktiviti membersihkan kawasan terumbu karang yang dijalankan sekumpulan penyelam di Pusat Taman Laut Pulau Perhentian sejak Sabtu lalu.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, semua pukat hantu itu dikutip sukarelawan terdiri daripada 20 penyelam dari agensi kerajaan dan swasta.

“Program ini diadakan untuk memelihara kawasan terumbu karang yang mengalami kerosakan disebabkan oleh pukat hantu yang menjadi ancaman haiwan marin di dasar laut.

“Gotong royong ini adalah tanda keprihatinan penyelam untuk menyokong usaha Cawangan Taman Laut Penguru-

UM 25/10/2022 MS: 32



**SEKUMPULAN** penyelam menunjukkan pukat hantu yang berjaya dikutip di dasar laut Pulau Perhentian, Besut, Terengganu.

san dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang terutamanya di lokasi perlindungan marin supaya terumbu karang di Pulau Perhentian tidak mengalami kepupusan,” katanya.

Pukat hantu merujuk kepada

peralatan menangkap ikan seperti pukat, jaring atau jala yang ditinggalkan atau tertinggal secara tidak sengaja yang menjadi ancaman haiwan marin kerana ia memerangkap ikan atau habitat karang dan akhirnya memusnahkan sumber perikanan.